

**Jenis Akhbar** : Bernama Online  
**Tarikh** : 17/07/2017  
**Edisi / Muka Surat** : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)

## **IBR: SPRM Puji Kesungguhan ANGKASA**

*Tarikh kemaskini: 17/07/2017*

PETALING JAYA, 17 Julai (Bernama) -- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memuji kesungguhan ditunjukkan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dalam menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) hari ini.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM Datuk Shamshun Baharin berkata inisiatif ANGKASA ini memperlihatkan keseriusan agensi itu dalam memastikan pentadbirannya bebas daripada gejala rasuah dan salah guna kuasa.

"SPRM melihat kesungguhan dan betapa seriusnya ANGKASA dalam memerangi gejala rasuah kerana agensi ini sendiri telah menubuhkan unit integriti yang berperanan memastikan setiap kakitangannya bebas rasuah.

"Selain itu, ANGKASA turut menghantar empat pegawainya untuk mengikuti kursus Pegawai Integriti Bertauliah selama sebulan yang dikelolai SPRM sendiri," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani IBR oleh ANGKASA di sini, hari ini.

Pada majlis yang turut dihadiri Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Henry Sum Agong itu, Presiden ANGKASA Datuk Abdul Fattah Abdullah mengetuai lebih 200 kakitangannya melafazkan ikrar berkenaan.

Sementara itu, Abdul Fattah berkata kerjasama antara ANGKASA dan SPRM ini dilihat mampu memperbaiki persepsi masyarakat berkenaan integriti agensi itu.

"Kita akan sentiasa berhubung rapat dengan SPRM dalam mendapatkan maklumat mengenai penguatkuasaan, pencegahan dan khidmat nasihat demi meningkatkan tahap integriti setiap kakitangan ANGKASA," katanya.

-- BERNAMA